

**PERKEMBANGAN IDEOLOGI
NASIONALISME MELAYU DALAM PARTI
ISLAM SE-MALAYSIA (PAS): SATU
ANALISIS PERBANDINGAN PEMIKIRAN
NASIONALISME MELAYU ANTARA MOHD
ASRI MUDA, YUSOF ABDULLAH RAWA
DENGAN ABDUL HADI AWANG**

*(The Development of Malay Nationalism Ideology in the
Malaysia Islamic Party (PAS): A Comparative Analysis of
Malay Nationalism Thought between Mohd Asri Muda,
Yusof Abdullah Rawa, and Abdul Hadi Awang)*

Nor Azizuddin Abdul Manan¹ & Muhammad Ainuddin Iskandar
Lee Abdullah²

¹ Ghazali Shafie Graduate School of Government, UUM Sintok, Kedah.
E-mel: nor_azizuddin@gsgsg.uum.edu.my

² School of International Studies, UUM Sintok, Kedah.
E-mel: ainuddin@uum.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai perkembangan ideologi Nasionalisme Melayu dalam kalangan pemimpin tertinggi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 1951 hingga 2021. Permasalahan yang akan menjadi momentum kajian ini ialah perbincangan tentang sejauh mana wujudnya elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia dalam kalangan pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) iaitu Dato' Mohd Asri Muda, Tuan Guru Haji Yusof Abdullah Rawa dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Sekiranya elemen-elemen nasionalisme Melayu ini wujud, pengkaji akan menjelaskan sejauh mana ideologi nasionalisme Melayu ini diinterpretasikan oleh ketiga-tiga pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) semasa

era kepimpinan mereka sebagai Yang Dipertua PAS (sekarang Presiden PAS) sehingga mencetuskan isu dan faktor-faktor yang mendorong kepada polemik yang berlaku terhadap ideologi nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan mereka yang memberikan impak kepada pertembungan pemikiran nasionalisme Melayu dalam kalangan pemimpin Parti Islam Se-Malaysia iaitu golongan yang menyokong (Pro Nasionalis) dan golongan yang menolak ideologi nasionalisme (konservatif). Kritikan dan implikasi pertembungan pemikiran nasionalisme ini dalam kalangan pemimpin PAS akan menentukan hala tuju politik Parti Islam Se-Malaysia sekali gus memberikan signifikan kepada kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu ramah terhadap responden yang telah dipilih dan mereka merupakan sumber primer serta menganalisis beberapa dokumen sebagai sumber sekunder. Dapatan awal kajian ini mendapati bahawa perbezaan pandangan mengenai ideologi nasionalisme Melayu sememangnya berlaku dalam PAS. Terdapat segelintir golongan pemimpin PAS yang menolak ideologi nasionalisme dan ada juga yang menerima ideologi ini dengan bersyarat sekali gus memberikan implikasi kepada institusi kepartian PAS yang berusaha meraih sokongan orang Melayu dalam memenuhi agenda politik PAS.

Kata kunci: Pemimpin PAS, nasionalisme, Melayu

ABSTRACT

This study discusses the development of Malay Nationalism ideology among the top leaders of the Malaysian Islamic Party (PAS) from 1951 to 2021. The focal point of this research is to explore the extent to which elements of Malay nationalism exist within the Islamic Party of Malaysia, particularly among its leaders: Dato' Mohd Asri Muda, Tuan Guru Haji Yusof Abdullah Rawa and Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. If these elements of Malay nationalism exist, the researcher will elucidate how the ideology of Malay nationalism is interpreted by these three leaders during their respective tenures as the President of PAS, thereby sparking issues and factors that contribute to the polemics

surrounding Malay nationalism ideology during their leadership. This includes the clash of thoughts on Malay nationalism among PAS leaders, involving those who support it (Pro-nationalists) and those who reject the ideology (conservatives). Criticism and implications arising from this clash of thoughts on nationalism among PAS leaders will determine the political direction of PAS and significantly impact this study. This study is qualitative and employed interview methods with selected respondents who serve as primary sources. It also analysed various documents as secondary sources. The initial findings reveal that differences in views on Malay nationalism ideology indeed exist within PAS. Among PAS leaders, some reject the ideology while others conditionally accept it, thereby influencing the party's efforts to garner Malay support to fulfill PAS's political agenda.

Keywords: *PAS leaders, nationalism, Malays*

PENDAHULUAN

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang diasaskan pada 23 Ogos 1951 bersamaan 20 Zulkaedah 1370 hijrah semasa diadakan Persidangan Alim Ulama Se-Malaya kali kedua di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Sebagai sebuah parti politik, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menjadi fokus dalam penyelidikan sejarah politik Malaysia memandangkan PAS, selain daripada menjadi sebuah organisasi gerakan Islam, PAS juga merupakan salah sebuah parti politik Melayu yang dikaitkan mempunyai elemen-elemen nasionalisme Melayu (Alias Mohamed, 1979). Hal ini demikian kerana semasa era awal penubuhan PAS, para pengasas PAS terdiri daripada alim ulama dan para pejuang gerakan kemerdekaan Tanah Melayu (Farish A. Nor, 2013).

Perkembangan nasionalisme Melayu dalam PAS semakin berkembang apabila Dr. Burhanuddin al-Helmi menjadi Yang Dipertua PAS ketiga semasa dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ketiga yang diadakan pada 23 hingga 25 Disember 1956. Dalam ucapan penggulungannya, Dr. Burhanuddin al-Helmi menggunakan strategik serampang dua mata; strategik pertama,

mengangkat martabat orang Melayu dengan wasilah politik Islam dan strategik kedua: mengangkat nasionalisme Melayu dengan lebih agresif (Milne & Diane K. Mauzy, 1978). Sejurus selepas Dr. Burhanuddin al-Helmi ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 1965, jawatan Yang Dipertua PAS dipangku oleh Datuk Mohd Asri Muda bermula tahun 1965 sehinggalah beliau dipilih sebagai Yang Dipertua PAS keempat pada 19 April 1968 dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali kelima belas dan keenam belas yang diadakan di Kangar, Perlis.

Dalam ucapan dasar beliau yang pertama sewaktu memegang jawatan Yang Dipertua PAS ketiga, beliau menjelaskan mengenai cita-cita perjuangan PAS adalah untuk menegakkan Islam dalam masyarakat dan negara serta paling penting perjuangan PAS juga adalah untuk menegakkan ketuanan Melayu (Kamarul Zaman Yusof, 2004). Namun begitu, disebabkan beberapa faktor, perkembangan nasionalisme Melayu dalam PAS menjadi perdebatan semasa era kepimpinan Yang Dipertua PAS kelima. Hal ini dapat dilihat dalam ucapan dasar beliau semasa diadakan Mukhtar Tahunan PAS ke-30 yang membidas ideologi nasionalisme dengan menyatakan fahaman nasionalisme ialah fahaman asabiyah yang mengikut acuan nasionalisme Barat dan menunjukkan sikap permusuhan Barat terhadap Islam (Haji Yusof Rawa, 1984).

Sementara itu, Dato' Seri Abdul Hadi Awang telah menegaskan mengenai hala tuju politik PAS selepas mengalami kegagalan dalam Pilihan Raya Umum ke-11 semasa mula menjawat jawatan Presiden PAS yang ketujuh, iaitu PAS perlu menampilkan semula dasar dan strategik semasa era politik PAS tahun 50-an dan 60-an dengan gagasan Islam dan Melayu (Abdul Hadi Awang, 2004). Oleh itu, berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan pemimpin tertinggi PAS berkaitan dengan nasionalisme Melayu, dalam penyelidikan ini akan memberi fokus tiga tonggak kepimpinan PAS dalam mengembangkan, mengimplementasikan dan melihat sejauh mana penerimaan serta penolakan ideologi tersebut dalam kalangan kepimpinan PAS untuk meraih sokongan politik dalam kalangan orang Melayu bagi memastikan PAS terus relevan dalam persada politik tanah air.

TINJAUAN LITERATUR NASIONALISME MELAYU DATO' MOHD ASRI MUDA

Semasa menjawat jawatan Yang DiPertua PAS ke-4 yang bermula dari tahun 1969 sehingga tahun 1982, amat jelas menggambarkan perjuangan Mohd Asri Muda yang diwarisi daripada perjuangan nasionalisme Melayu yang telah dipelopori oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Profesor Dr. Zulkifli Muhammad. Hal ini demikian kerana dasar perjuangan PAS pada ketika kepimpinannya menggabungkan antara perjuangan Islam dan perjuangan nasionalisme Melayu (Mohd Asri Muda, 1993). Prinsip nasionalisme Melayu dalam pemikiran Mohd Asri Muda terpancar dalam idea dan strategiknya untuk mencapai perpaduan dan pembangunan negara. Mohd Asri Muda mengimplementasikan nasionalisme Melayu melalui pelbagai cara dan inisiatif. Salah satu pendekatan utamanya ialah pemeliharaan dan promosi ketuanan Melayu dan Bahasa Melayu. Beliau percaya bahawa memelihara Bahasa Melayu adalah penting dalam mempertahankan identiti budaya dan perpaduan bangsa Melayu. Asri Muda juga turut menekankan konsep *al-Ummah* yang bersatu sebagai bentuk nasionalisme. Beliau memperjuangkan kesatuan umat Islam tanpa mengira latar belakang etnik, mempromosikan rasa solidariti dan nilai kebersamaan dalam kalangan bangsa Melayu. Melalui pidato dan penulisan beliau, Asri Muda telah meletakkan batu asas bagi arah dan tujuan politik Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Idea dan strategik beliau menjadi panduan bagi ahli parti dan penyokongnya dalam usaha PAS untuk mencapai nasionalisme Melayu dalam pembangunan negara. Secara keseluruhannya, pelaksanaan nasionalisme Melayu oleh Mohd Asri Muda ditandai dengan usahanya untuk memelihara bahasa dan budaya Melayu, mempromosikan kesatuan umat Islam, dengan menggabungkan prinsip-prinsip Islam dan jati diri Melayu dalam pemerintahan negara. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan memperkuat identiti dan perpaduan bangsa Melayu sambil memupuk rasa nasionalisme kepada negara (Ratna Izah Mohd Asri, 2020).

TINJAUAN LITERATUR NASIONALISME MELAYU HAJI MOHD YUSOF ABDULLAH RAWA

Pemikiran Haji Yusof Abdullah Rawa mengenai nasionalisme Melayu telah memberi impak terhadap perkembangan idea-idea Islam di Malaysia. Beliau percaya bahawa perjuangan untuk nasionalisme Melayu haruslah berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang lebih universal. Beliau berpendapat bahawa Islam tidak sepatutnya terhad kepada orang Melayu sahaja, tetapi harus meliputi keadilan, kebaikan, dan kesempurnaan untuk semua umat manusia, tanpa mengira bangsa atau etnik. Pandangan beliau ini mencabar fokus sempit nasionalisme etnik dan menekankan pentingnya pandangan dunia Islam yang inklusif. Beliau mengkritik konsep *al-'Asabiyah* (tribalisme sempit) dan menekankan pendekatan yang lebih adil dan saksama berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Idea-idea beliau telah mempengaruhi perbincangan dalam PAS dan menyumbang kepada penekanan parti terhadap nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam dalam agenda politiknya (Badlihisham Mohd Nasir & Abdul Razzaq, 2020). Namun begitu, sewaktu kepimpinan Haji Yusof Abdullah Rawa, beliau berhadapan dengan pergolakan dalaman parti yang menyebabkan Dato' Mohd Asri Muda, seorang pendokong ideologi nasionalisme Melayu telah ditolak oleh kepimpinan ulama PAS dan menyebabkan Haji Yusof Abdullah Rawa mengambil pendekatan baharu PAS iaitu "*Di bawah Kepimpinan Ulama*" sekali gus menolak semua individu yang mendokong ideologi nasionalisme dan tidak berpaksikan kepada Islam (Nor Azizuddin Abdul Manan, 2017).

TINJAUAN LITERATUR NASIONALISME MELAYU DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG

Abdul Hadi Awang merupakan tokoh politik terkemuka di Malaysia dengan menunjukkan unsur-unsur nasionalisme selama perjuangan beliau sebagai Presiden PAS dari 2003 sehingga kini. Beliau seharusnya diberikan gelaran sebagai tokoh etnik nasionalisme (*ethnonationalism*) Melayu kerana kesungguhan beliau terhadap kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa

kebangsaan, yang mesti dikuasai oleh semua peringkat rakyat negara. Oleh yang demikian, bahasa Melayu dapat dikekalkan sebagai medium pengajaran di semua peringkat pendidikan. Beliau juga mengekspresikan penyelesaian kepada masalah kekacauan ekonomi dan sosial dan rakyat, terutamanya bangsa Melayu dengan solusi yang bijaksana mengikut prinsip Islam. Kepatuhan beliau dalam meningkatkan keupayaan bangsa Melayu untuk menghadapi cabaran mesti dilihat dari perspektif positif. Idea yang paling radikal yang ditunjukkan oleh Abdul Hadi Awang dalam mengekspresikan nasionalismenya ialah cadangan untuk menubuhkan Kerajaan Perpaduan selepas pilihan raya umum ke-12 di Malaysia. Rancangan itu dipaparkan sebagai hasil daripada iklim politik yang tegang dan kekacauan ekonomi yang dihadapi negara pada ketika itu. Beliau bimbang bahawa ketegangan politik semasa kian meningkat akan mengundang suasana yang tidak terkawal. Elemen-elemen nasionalisme Melayu oleh Abdul Hadi Awang memuncak semasa demonstrasi terhadap penandatanganan Konvensyen Antarabangsa untuk Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Rasial (ICERD) oleh Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Pakatan Harapan pada 8 Disember 2018. Pihak berkuasa melaporkan dua ratus ribu bangsa Melayu daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi terutamanya bangsa Melayu, menghadiri perhimpunan yang dianjurkan oleh Parti Islam Malaysia (PAS) dan UMNO dalam kerjasama dengan 40 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam. Dalam demonstrasi tersebut, ucapan Abdul Hadi Awang menekankan bahawa langkah kerajaan Malaysia untuk menandatangani ICERD seolah-olah melanggar "lampu merah" dan menyalahi prinsip-prinsip perdamaian, kemakmuran, dan kesejahteraan dalam kalangan rakyat negara itu. Tindakan tersebut merupakan percubaan untuk mengubah Perlembagaan Persekutuan yang sudah termaktub selama lebih lima dekad. Jelaslah bahawa Abdul Hadi Awang ialah seorang pemimpin Malaysia yang mempunyai idea yang kukuh tentang nasionalisme (Nor Azizuddin Abdul Manan, Azmah Abdul Manaf & Ahmad Dzulfahmi Mohamad, 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan metodologi kualitatif dengan teori retrospektif yang bersifat kronologi. Teknik penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis dokumentasi, yang terdiri daripada ucapan Yang Dipertua PAS atau kini dikenali sebagai Presiden PAS. Menurut Ulric Neisser (1967), dalam sains politik, teori retrospektif digunakan untuk menilai kelayakan dan relevansi rangka kerja teori atau penjelasan yang sedia ada berdasarkan bukti baharu atau data empirikal. Teori ini bertujuan menentukan keupayaan dalam menjelaskan peristiwa, kes, dan fenomena lama atau baharu, lantaran itu teori ini memerlukan pemerhatian dan analisis.

PERBINCANGAN

Definisi Nasionalisme dan Perbandingan Nasionalisme Barat, Islam dan Melayu

Dalam membincangkan mengenai nasionalisme Melayu, isu ini akan berbalik kepada definisi nasionalisme itu sendiri. Menurut Syed Husin Ali (1983), nasionalisme itu terbahagi kepada dua elemen iaitu nasionalisme yang umumnya terdapat di Eropah dan keduanya, nasionalisme yang terdapat di negara-negara Asia dan Afrika. Nasionalisme di Eropah melibatkan penyertaan penggerak nasionalis dengan tujuan membina dan menstabilkan negara berdasarkan aspek agama, budaya dan bahasa yang sudah berakar umbi dalam masyarakat di benua tersebut. Manakala nasionalisme di negara-negara Asia dan Afrika ialah hubungan antara masyarakat yang berada di dalamnya, yang berjuang untuk menuntut kemerdekaan dengan pembebasan daripada cengkaman penjajahan lantas membentuk sebuah negara yang merdeka dan mempunyai kewarganegaraan yang sama bagi setiap masyarakat sama ada dalam bidang politik dan sosiobudaya masing-masing.

A.D Smith (1971), menjelaskan nasionalisme sebagai satu gerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri sesuatu kelompok masyarakat yang mana sebahagian dari kelompoknya menanggapi bahawa

sesuatu bangsa yang sebenar kemungkinan menjadi satu bangsa dan nasionalisme ini mempunyai hubung kait dengan tiga perkara iaitu; pertama, penentuan nasib sendiri; kedua, penegasan keperibadian dan ketiga, sifat tersendiri bangsa. R. Suntharalingam (1985) telah menjelaskan mengenai nasionalisme merupakan satu fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya yang tersendiri, memindahkan kedaulatan kepada rakyat serta menuntut kesetiaan ulung setiap individu yang disalurkan kepada negara-negara itu. Nasionalisme dalam bentuk yang kental ini hanya muncul pada abad ke-18, namun pengaruhnya telah merebak dengan pantas sejak awal abad ini sehingga hampir menguasai seluruh dunia.

Tidak dapat dinafikan bahawa nasionalisme mula bertapak untuk meruntuhkan struktur pemerintahan yang dianggap tidak sesuai dengan nilai dan norma kebangsaan sesuatu bangsa. Menurut Mohd Hazizi Abdul Rahman (2011), beliau menyatakan definisi nasionalisme menurut Islam berdasarkan pandangan Imam Hasan Al-Banna, iaitu pengasas pergerakan Ikhwan al-Muslimin Mesir dengan mengatakan bahawa;

“Jika nasionalisme yang dimaksudkan ialah keluarganya dan bangsanya merupakan orang yang paling utama untuk memberikan layanan yang baik dan orang yang paling utama dilimpahkan segala sumbangan dan jihad, maka maksud ini (nasionalisme) adalah benar. Siapakah yang tidak merasakan bahawa orang yang paling utama untuk menerima sumbangannya ialah bangsanya sendiri yang telah mendewasakan pemikiran? Jika nasionalisme yang dimaksudkan ialah tuntutan untuk berusaha dan berjihad, maka menjadi kewajiban setiap kelompok bangsa untuk berusaha mencapai matlamat ini sehingga dengan izin Allah akan mencapai kejayaan...”

Kenyataan ini dipetik daripada ucapan Imam Hasan Al-Banna dalam Muktamar Tahunan Ikhwan al-Muslimin yang terkandung dalam *Risalah Dakwatuna*. Nor Sazali Abdullah (2005) menjelaskan bahawa nasionalisme dalam Islam merujuk kepada

lima elemen *Al- Wataniyyah* seperti yang dijelaskan oleh Imam Hasan al-Banna ; pertama, *Al- Wataniyyah Al- Hanin* yang bermaksud kasih sayang ialah semangat cintakan tanah air yang wujud secara semula jadi; kedua, *Al- Wataniyyah Al- Hurriyah wal I'zzah* yang bermaksud keagungan dan kemerdekaan ialah sifat tanggungjawab untuk membebaskan tanah air daripada kekuasaan asing dengan meletakkan kemerdekaan serta kemuliaan rakyat; ketiga, *al-Wataniyyah al-Mujtama'* yang bermaksud kebebasan kemasyarakatan dengan usaha untuk menyatukan rakyat demi kepentingan bersama; keempat, *Al Wataniyyah al-Fath* yang bermaksud penaklukan, iaitu perjuangan untuk menguasai dunia dengan membawa agama Islam.; kelima, *al-Wataniyyah al-Hizbiyyah* bermaksud perkauman dan pembahagian bangsa kepada kelompok-kelompok kemudian dihasut dan diporak-porandakan sehingga membawa kepada perpecahan.

Bagi definisi nasionalisme Melayu, Ahmad Boestaman (1972) menjelaskan Dr. Burhanuddin al-Helmi mengulas pandangan Ibnu Khaldun dalam *al-Muqaddimah*. Dalam konteks ini, unsur dalam patriotisme bangsa ialah nasionalisme dan beliau berpendapat bahawa perjuangan nasionalisme Melayu yang diperjuangkannya tidak termasuk dalam kelompok yang dimaksudkan dengan sifat *al-'Asabiyyah* yang sempit. Pada pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi, nasionalisme yang dijadikan sebagai ideologi politik hanya perlu disesuaikan dengan Islam. Sehubungan itu, nasionalisme Melayu yang diperjuangkan Dr. Burhanuddin al-Helmi bertujuan melahirkan bangsa Melayu yang beriman, bertakwa, berbudi bahasa, sopan-santun, beradab dan berakhlak mulia.

Perbandingan Nasionalisme Melayu Dato' Mohd Asri Muda, Haji Abdullah Yusof Rawa dan Dato' Seri Abdul Hadi Awang

Berdasarkan kepada ucapan dasar Dato' Mohd Asri Muda semasa Mesyuarat Agung Tahunan PAS ke-13 pada tahun 1965, beliau menjelaskan kerangka politik PAS adalah untuk mencapai cita-cita Islam dalam semua urusan negara mengikut hukum dan kehendak agama (Islam) itu sendiri dan tujuan cita-cita itu juga adalah untuk mewujudkan pembelaan terhadap ketuanan Melayu

dan tanah airnya lantaran British sebagai penjajah dan parti Perikatan pula ialah pusaknya yang telah menzalimi hak dan ketuanan Melayu serta wajib ditentang keseluruhannya. Berdasarkan faktor inilah PAS menjadikan ketuanan Melayu dan kebangsaan Melayu sebagai dasar politik perjuangan PAS. Kamarul Zaman Yusof (2004) menjelaskan, semasa Mohd Asri Muda menjadi Ahli Parlimen PAS di Dewan Rakyat, beliau begitu agresif mempertahankan hak-hak ketuanan Melayu bersama-sama dengan ahli-ahli parlimen PAS yang lain seperti Abu Bakar Hamzah, Ahmad Abdullah, dan Mohd Daud Abdul Samad.

Antara usul paling kritikal yang dibawa oleh Mohd Asri Muda ialah usul hak-hak bangsa Melayu dalam Rang Undang-undang Kerakyatan yang ditolak kerana bersifat perkauman. Setelah diasak oleh ahli-ahli parlimen PAS, akhirnya usul tersebut digantikan dengan hak-hak Bumiputera sekali gus ahli-ahli parlimen PAS berjaya menegaskan mengenai nasionalisme Melayu. Walau bagaimanapun, usul kepada pindaan terma ini telah kalah di peringkat pengundian. Nasionalisme Melayu Mohd Asri Muda lebih terserlah semasa Mesyuarat Agung Tahunan PAS ke-14, dalam ucapan dasarnya, beliau telah menggariskan garis-garis pokok (prinsip-prinsip) perjuangan PAS yang meliputi perspektif politik Melayu, ekonomi Melayu, Pendidikan Melayu, sosial dan kebudayaan Melayu. Penegasan kepada prinsip perjuangan PAS ini sekali gus menunjukkan ketegasan dalam ucapan dasar beliau dengan membuat satu konklusi, iaitu perjuangan PAS masih kekal dalam mewujudkan satu bangsa Melayu yang berdaulat berasaskan kepada kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan Islam dan mewujudkan negara yang berpaksikan kepada Islam dengan menggunakan satu bahasa sebagai perantaraan iaitu bahasa Melayu.

Kendatipun begitu, semasa era kepimpinan Haji Abdullah Yusof Rawa pada tahun 1984, ucapan dasar Yusof Rawa sebagai Yang Dipertua PAS kelima pada tahun 1984 yang bertemakan Menggempur Pemikiran '*Asabiyah* telah menyatakan bahawa fahaman nasionalisme '*asabiyah* yang dicorakkan di negara Malaysia mengikut acuan nasionalisme Barat dan mewujudkan permusuhan Barat terhadap dunia Islam. Beliau juga, dalam

ucapan dasar tersebut turut menempelak parti-parti politik yang wujud di Malaysia sebagai parti politik '*asabiyah*' (merujuk kepada Parti UMNO yang bersifat parti sekular). Menurutnya lagi, pemikiran nasionalisme '*asabiyah*' ini telah menjadi falsafah kepada pembentukan negara yang berfahaman sekularisme dan demokrasi moden sehingga ke satu peringkat menjadikan asas-asas kepada negara tersebut (perlembagaan negara). Beliau mengambil contoh kegagalan nasionalisme Arab yang lahir dari satu sistem pentadbiran negara yang dikuasai oleh penguasa elit tentera yang memerintah secara diktatorat.

Pemerintahan diktatorat ini ialah manifestasi pemerintahan tentera yang menjadikan rakyat sebagai musuh. Hal sedemikian sangat bercanggah dengan sistem pentadbiran negara menurut perspektif Islam yang menyaksikan pemerintah dan rakyat saling memerlukan antara satu sama lain. Yusof Rawa juga melampirkan contoh kegagalan nasionalisme Melayu di Malaysia dengan mengaitkan kegagalan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Menurut Yusof Rawa, kegagalan DEB ialah interpretasi pemisahan pembangunan negara yang terlahui bersifat *al-Maddiyah* (kebendaan) dengan pembinaan nilai-nilai jati diri bangsa. Bukan itu sahaja, kegagalan DEB ini juga meluaskan lagi jurang kemiskinan antara golongan elitis dan menengah Melayu dengan golongan bawahan Melayu. Secara literalnya, Yusof Rawa menolak fahaman nasionalisme Melayu yang bersifat sekular yang memisahkan Islam dengan pengembangan jati diri bangsa Melayu dalam semua aspek kehidupan.

Semasa era kepimpinan Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang bermula pada tahun 2003 sehingga sekarang, beliau sangat menonjolkan aspek nasionalisme Melayu dalam aspek sosial, kebudayaan dan ekonomi bangsa Melayu. Beliau sering menyarankan semua pihak agar mengukuhkan penguasaan dan pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan perantaraan dalam semua peringkat institusi di negara ini. Abdul Hadi Awang juga menunjukkan kepekaan beliau dalam isu-isu budaya dan sosial bangsa Melayu. Dalam ucapan dasarnya di Muktamar Tahunan PAS ke-51, beliau menyatakan bahawa hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika

seperti yang terkandung dalam cabaran keempat Wawasan 2020 tidak akan berjaya jika pembangunan rohani diabaikan disebabkan kegagalan kerajaan yang dipimpin UMNO untuk membangunkan institusi agama berasaskan sistem kekeluargaan Islam.

Beliau juga menyalahkan kerajaan yang dipimpin UMNO mahupun Barisan Nasional (BN) yang sering menyalahkan ibu bapa lalu menyebabkan kemunduran moral dan peningkatan jenayah dalam kalangan remaja Melayu. Selain itu, berdasarkan kepada ucapan dasar beliau dalam Muktamar Tahunan PAS ke-58, Abdul Hadi Awang telah menegaskan bahawa asas sosioekonomi rakyat adalah penting, dan beliau telah menekankan bahawa pemimpin kerajaan mesti mengutamakan kehidupan dan kesejahteraan rakyat. Hal ini telah menunjukkan penyelesaian kepada krisis ekonomi rakyat dengan mewujudkan undang-undang yang boleh menghalang pembaziran, penyalahgunaan, korupsi, dan menjalankan pengagihan hasil negara yang lebih adil dan jelas untuk semua lapisan masyarakat supaya ekonomi negara menjadi lebih bermoral dan holistik.

KONKLUSI

Berdasarkan kepada elemen-elemen nasionalisme Melayu yang terdapat kepada tiga figura kepimpinan tertinggi PAS iaitu Dato' Mohd Asri Muda; Yang Dipertua PAS keempat, Haji Abdullah Yusof Rawa; Yang Dipertua PAS Kelima dan Dato' Seri Abdul Hadi Awang; Presiden PAS ketujuh dapat dijustifikasikan seperti jadual berikut:

Jadual 6. 1: Perbandingan elemen-elemen nasionalisme Melayu antara pemimpin tertinggi PAS

Elemen nasional-isme Melayu	Mohd Asri Muda	Yusof Abdullah Rawa	Abdul Hadi Awang
<i>Bahasa dan Ketuanan Melayu</i>	Jelas dinyatakan dalam ucapan dasar semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-13, 1965	Tidak dinyatakan secara jelas dalam tujuh tahun kepimpinannya	Jelas dinyatakan dalam setiap ucapan dasar Presiden PAS sejak tahun 2003 sehingga sekarang
<i>Pendidikan Melayu</i>	Jelas dinyatakan dalam ucapan dasar semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-14 dan ke-15 pada tahun 1966 dan 1967	Mengkritik pendidikan orang Melayu yang bersifat sekular dan <i>al-Maddiyah</i> dalam Mukhtar Tahunan PAS ke-30, tahun 1984	Menekan pendidikan orang Melayu dengan nilai-nilai kerohanian dan bersifat manusiawi dalam Mukhtar Tahunan PAS ke-62 dan ke-63. Menentang program PPSMI yang meminggirkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Perantaraan
<i>Sosial dan kebudayaan Melayu</i>	Menerima selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam	Menerima selagi tidak bercanggah dengan hukum Islam	Menerima dengan bersyarat, Islam mesti menjadi keutamaan

Perkembangan Ideologi Nasionalisme Melayu Dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS): Satu Analisis Perbandingan Pemikiran Nasionalisme Melayu Antara Mohd Asri Muda, Yusof Abdullah Rawa Dengan Abdul Hadi Awang

Elemen nasional-isme Melayu	Mohd Asri Muda	Yusof Abdullah Rawa	Abdul Hadi Awang
<i>Ekonomi Melayu</i>	Menjadi dasar perjuangan PAS sejak tahun 1951 sehingga DEB diperkenalkan	Menolak sistem ekonomi yang menyebabkan jurang kemiskinan antara kelompok Melayu iaitu golongan elit, menengah dan bawahan yang semakin melebar. Menolak DEB	Menekankan prinsip ekonomi orang Melayu dengan mengamalkan sistem perekonomian Islam yang syumul. Berpaksakan kepada rancangan strategik PAS yang terkandung dalam Dokumen Hijau dan Budaya Politik Matan dan Sejahtera (BPMS)
<i>Kesimpulan</i>	Menerima konsep nasionalisme Melayu dan menjadi dasar perjuangan PAS	Menolak konsep nasionalisme Melayu yang berpaksikan fahaman sekular	Menerima konsep nasionalisme Melayu hanya sebagai agenda sampingan tanpa mengeneipkan dasar utama PAS iaitu Islam

RUJUKAN

- Abdullah, N. S. (2005). Perspektif Melayu, Barat dan Islam mengenai nasionalisme : satu kajian perbandingan. (Master of Arts), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ali, S. H. (1983). Menanam semangat nasionalisme tulen melalui Sastera. Dewan Masyarakat.
- Asri, R. I. M. (2020). Islam dan Demokrasi dalam Pemikiran Asri Muda. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(28).
- Awang, A. H. (2004). Memartabatkan Kedaulatan Rakyat. Kota Bharu, Kelantan: Parti Islam Se-Malaysia.
- Boestamam, A. (1972). Dr Burhanuddin Al Helmy, Putera Setia Melayu Raya. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.
- Milne & Diane K. Mauzy (1978), *Politics and Government in Malaysia*. Kuala Lumpur : Federal Publication.
- Mohamed, A. (1979). Akar dan asas-asas perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 25 Tahun: Nasionalisme, Sosialisme dan Islam. Dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Hazizi Abdul Rahman. (2013). Nasionalis atau Sekularis .[dicapai Julai 9, 2023].
- Nor Azizuddin Abdul Manan, Azmah A. M. Ahmad. D. M. (2019). Nationalism of Abdul Hadi Awang and Impacts on New Malaysia Politics. The 8th International Conference on Multidisciplinary Research 2019 (ICMR 2019), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Nor Azizuddin Abdul Manan. (2017). Nasionalisme dalam kerangka pemikiran pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) : Satu Analisa Implikasi dalam kepartian PAS antara tahun 1951-2013. (M.A (Political Science)), Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Nor, F. A. (2014). *The Malaysian Islamic Party 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Rawa, Y. A. (1984). *Menggempur Pemikiran ‘Asabiyah*. Alor Setar : Kedah.

Perkembangan Ideologi Nasionalisme Melayu Dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS): Satu Analisis Perbandingan Pemikiran Nasionalisme Melayu Antara Mohd Asri Muda, Yusof Abdullah Rawa Dengan Abdul Hadi Awang

- Razzaq, B. M. N. A. (2020). Ketokohan dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922 -2000) di Malaysia. *Wardah*, 1(21).
- Smith, A. D. (1971). *Theories of Nationalism*. London: Duckworth.
- Suntharalingam, R. (1985). *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yusof, K. Z. (2004). *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

